

7 dari 10 jawatan jagaan kesihatan adalah kerja jangka panjang

Dengan penduduk yang menua dan demografi yang berubah, permintaan bagi karyawan penjagaan kesihatan akan terus meningkat: Koh Poh Koon

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

SEBANYAK tujuh dalam 10 jawatan kerja kosong yang tersedia dalam bidang penjagaan kesihatan merupakan jawatan jangka panjang. Ini terdiri daripada jawatan karyawan penjagaan kesihatan dan peranan eksekutif (30 peratus), serta peranan sokongan penjagaan kesihatan dan pentadbiran (70 peratus).

Demikian menurut Laporan Situasi Pekerjaan terbaru yang dikeluarkan Kementerian Tenaga Manusia (MOM) semalam.

Laporan itu menarik perhatian terdapat hampir 6,700 peluang pekerjaan dan latihan dalam sektor penjagaan kesihatan yang tersedia sehingga akhir bulan lalu.

Peluang yang disediakan itu adalah sesuai bagi lulusan baru, mahupun pencari kerja pertengahan kerjaya dengan latar belakang

penjagaan kesihatan mahupun dalam bidang lain, menurut laporan itu lagi.

Daripada 6,700 peluang tersebut, sekitar 5,500 merupakan jawatan kerja kosong, dan bakinya merupakan peluang latihan.

Lebih 80 peratus ditawarkan dalam sektor awam, dan bakinya ditawarkan dalam sektor swasta.

Gaji bulanan kasar bagi mereka yang baru menyertai institusi penjagaan kesihatan pada 2018, termasuk pekerja berpengalaman, adalah \$1,800 bagi peranan jagaan sokongan hingga \$6,200 bagi peranan korporat atau pentadbiran.

Mengulas tentang peluang dalam sektor penjagaan kesihatan, Menteri Negara Kanan (Kesihatan), Dr Koh Poh Koon, berkata dengan penduduk yang menua dan demografi yang berubah, permintaan bagi karyawan penjagaan kesihatan akan meningkat.

"Kami juga sedang membina lebih



KUNJUNGI PUSAT KAJIAN KEJURURAWATAN: (Barisan belakang, dari kiri) Dr Koh, Cik Teo dan Encik Chan mengunjungi Pusat bagi Kajian Kejururawatan Alice Lee di Universiti Nasional Singapura semalam. – Foto ZAOBAO

banyak kemudahan penjagaan kesihatan dalam dekad akan datang. Sama ada dalam sektor pesakit luar di poliklinik, atau pesakit yang memerlukan jagaan akut, serta sektor jagaan jangka panjang, anda memerlukan ramai karyawan penjagaan kesihatan," ujar Dr Koh.

Beliau berkata demikian semalam dalam satu sidang akhbar selepas mengunjungi Pusat bagi Kajian Kejururawatan Alice Lee di Universiti Nasional Singapura bersama Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Chan Chun Sing, dan Menteri Tenaga Manusia, Cik Josephine Teo.

Menurut Laporan Situasi Pekerjaan itu lagi, hampir 8,340 pencari kerja telah diletakkan dalam jawatan pekerjaan serta latihan dalam syarikat dari April hingga hujung November lalu.

Ini termasuk tukang swab atau penolong tukang swab yang menyokong operasi ber-

kaitan Covid-19, serta duta penjagaan dan *conciere* pesakit di institusi penjagaan kesihatan dan pertubuhan penjagaan masyarakat.

Memberi komen tentang keperluan tenaga manusia dalam sektor penjagaan kesihatan, Cik Teo berkata satu pendekatan menyeluruh diperlukan untuk membantu pekerja setempat menyertai dan berkembang dalam sektor itu.

"Kami sedang memastikan ada bilangan pekerja setempat muda yang mencukupi untuk menceburi kerjaya dalam penjagaan kesihatan.

"Pada masa yang sama, kami (ingin menarik) orang yang telah meninggalkan sistem pendidikan tetapi mahu berkecimpung dalam penjagaan kesihatan, atau pencari kerja pertengahan kerjaya yang mahu berkecimpung dalam bidang penjagaan kesihatan," ujar Cik Teo.

Kemasukan pelajar jururawat di institusi pengajian tinggi setempat telah meningkat 50 peratus, daripada 1,500 pada 2014 kepada 2,200 pada 2019.

Dalam pada itu, semakin ramai pekerja pertengahan kerjaya yang beralih kepada bidang penjagaan kesihatan, dengan bilangan pemohon bagi Program Penukaran Profesional (PCP) untuk Jururawat Berdaftar pada Oktober lalu adalah tiga kali ganda berbanding bilangan pada April lalu.

Untuk memenuhi permintaan oleh pekerja pertengahan kerjaya bagi peranan jururawat dan kesihatan bersekutu, pemerintah merancang untuk menyediakan 900 tempat dalam tiga tahun akan datang.

"Kami komited untuk menyediakan sebanyak mungkin tempat yang diperlukan, selagi kami boleh mendapatkan orang yang mempunyai minat dan ciri-ciri untuk menyertai sektor ini," kata Encik Chan.